

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Tuesday, 27 December, 2016 3:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin;
'dppbsn@gmail.com'; Mohd Fairus Bin Abd Majid
Subject: HEP ONLINE: INAPAN SISWA (INASIS) BSN: TAUTAN KASIH DAN SAYANG INASIS BSN BERSAMA RUMAH SERI KENANGAN



27 DISEMBER 2016, SELASA | 27 RABIULAWAL 1438H

TAUTAN KASIH DAN SAYANG INASIS BSN BERSAMA RUMAH SERI KENANGAN

Oleh: Shafini Hamdan



INAPAN SISWA (INASIS) BSN: Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JKPS) Inapan Siswa (INASIS) BSN Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berjaya mengadakan Program Tautan Kasih dan Sayang Siswi INASIS BSN 2016 yang dirasmikan oleh Penolong Kanan Pembantu Kebajikan Masyarakat RSK, Asri Tayab.

Program yang mendapat kerjasama penguasa dan penghuni Rumah Seri Kenangan (RSK) Kangar yang berlangsung baru-baru ini melibatkan 40 pelajar bersama Penolong Pengetua, Rozita Ramli.

Program ini bertujuan memupuk kemahiran insaniah para pelajar dalam kemahiran berinteraksi, berperikemanusiaan serta memberi perkhidmatan yang diperlukan seiring dengan objektif program yang ingin membentuk dan mendidik pelajar dalam bidang kemasyarakatan.

Pengarah Program, Sakinah Nazri berkata, beliau sangat berbesar hati atas peluang yang diberikan ini dan berharap agar hubungan silaturahim antara pelajar Inasis BSN dengan penghuni RSK dapat diteruskan selepas tamat program.

Dengan kerjasama jitu petugas RSK Kangar, Fairuz Abdullah, program ini sangat membantu dalam mengeratkan lagi hubungan di antara penghuni dan petugas RSK serta mewujudkan sifat kasih sayang dan kemesraan dalam kalangan pelajar.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini berlangsung, antaranya gotong-royong di kawasan RSK, menanam pokok harum manis sebagai tanda kenangan daripada pihak INASIS BSN UUM, sesi berkenalan bersama penghuni RSK, solat zohor berjemaah yang diimamkan oleh seorang penghuni RSK dan sesi hati ke hati bersama penghuni.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.